

16/09/2002

Belanjawan alternatif dianggap menghina Parlimen

KUALA LUMPUR, Ahad - Belanjawan alternatif 2003 yang dijangka dibentangkan barisan pembangkang minggu ini adalah satu penghinaan terhadap Parlimen dan tidak lebih daripada gimik politik, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin hari ini.

"Tidak seperti kerajaan yang merangka dasar dan memperkenalkan polisi fiskal dalam belanjawannya, apa yang akan dibentangkan pembangkang adalah semata-mata janji kosong.

"Lagipun tindakan mereka untuk membentangkan belanjawan itu bercanggah dengan Perlembagaan dan peraturan perintah am.

"Ia memperlihatkan sikap angkuh mereka (parti pembangkang), mereka fikir mereka sudah cukup kuat untuk menubuhkan kerajaan akan datang, ia adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan tanpa menghormati badan penggubal undang-undang tertinggi di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dekat Kepong, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Muhyiddin mengingatkan parti pembangkang supaya tidak memperkecilkan Belanjawan Negara 2003 yang akan dibentangkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, Jumaat ini.

"Parlimen adalah badan tertinggi yang membuat keputusan di negara ini...berikan penghormatan...ia (Parlimen) bukan tempat untuk membincangkan perkara yang mempunyai kepentingan," katanya.

Barisan pembangkang yang terdiri daripada Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mengumumkan akan membentangkan belanjawan mereka minggu ini sebelum Belanjawan Negara 2003.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, pembangkang ingin menunjukkan kononnya semua langkah yang diambil kerajaan selama ini untuk memperkukuhkan ekonomi negara dan meninggikan taraf hidup rakyat tidak mencapai sasarannya.

Beliau berkata, apa yang pasti, dalam belanjawannya, pembangkang akan mendakwa langkah fiskal yang diambil kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara tidak menepati kehendak Islam dan pembaziran.

"Kerajaan tidak perlu menunjukkan sebarang bukti kepada pembangkang kerana memang sudah jelas kerajaan berusaha sedaya upaya untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memberi bantuan kepada rakyat.

"Saya tidak tahu apa niat mereka (parti pembangkang) tetapi saya harap rakyat tidak akan tertipu dengan gimik ini," katanya.

Sementara itu, mengenai keputusan Dr Mahathir tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Muhyiddin berkata, semua pihak perlu menerima dan menghormati keputusan itu.

Muhyiddin berkata, walaupun keputusan itu agak mengejutkan, semua pihak perlu akur dengan pendirian Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, saya percaya Dr Mahathir akan terus memberikan sumbangan bagi memantapkan parti dan memajukan negara," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri yang akan meletakkan jawatan daripada politik dan kerajaan Oktober tahun depan, mengumumkan tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.